# Minggu Kelima

## RUKUN HAJI - TAWAF





## CARTA ALIRAN PEKERJAAN HAJI

| RUKUN HAJI | WAJIB HAJI |
|---|---|
| 1 Niat Ihram Haji | 2 Niat Di Miqat |
| 4 Wuquf | 3 Larangan Ihram |
| 10 Tawaf | 5 Bermalam (Mabit) Di Muzdalifah |
| 11 Sa'ie | 6 Melontar Jamrah Kubra Pada 10 Zuhijjah |
| 7 Bergunting/Bercukur | 8 Bermalam (Mabit) Di Mina 11,12,13 Zulhijjah |
| 12 Tertib Pada Kebanyakkan Rukun | 9 Melontar Ketiga-tiga Jamrah Pada 11,12,13 Zulhijjah |

*Catatan*

## TAWAF DAN PENGERTIANNYA

**TAWAF**



Mengelilingi Kaabah Sebanyak Tujuh (7) Pusingan Dengan Syarat-syaratnya

# TAWAF

**PENGERTIAN** → **MENGELILINGI KAABAH DENGAN SYARAT–SYARATNYA**

## SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

- Suci Daripada Hadas
- Suci Badan/Pakaian/Tempat Tawaf Daripada Najis
- Menutup Aurat
- Bermula Pada Sudut Hajarul Aswad Dan Berniat Tawaf Jika Tawaf Wada'/Sunat/Nazar
- Menjadikan Baitullah Di Sebelah Kiri Dan Berjalan Ke Hadapan
- Mengelilingi Kaabah Tujuh (7) Kali Dengan Yakin
- Berjalan Bertujuan Tawaf
- Dilakukan Dalam Masjidil Haram Dan Di Luar Dari Hijir Ismail/ Syazarwan

## JENIS – JENIS TAWAF

- Tawaf Rukun (Haji Atau Umrah)
- Tawaf Qudum
- Tawaf Tahiyat Al-bait
- Tawaf Sunat
- Tawaf Nazar
- Tawaf Wada'

## SUNAT – SUNAT TAWAF

- Berjalan Kaki
- Ber*idtiba'* Bagi Tawaf Diiringi Dengan Sa'ie (Lelaki)
- Melakukan *Ramal* (Berlari anak) Bagi Tawaf Yang Diiringi Dengan Sa'ie (Lelaki) 3 Pusingan Pertama
- *Istilam* Hajarul Aswad Dan Mengucupnya/Istilam Rukun Yamani Dan Tidak Mengucupnya
- Membaca Zikir Dan Doa
- Berturut-turut Tujuh (7) Kali Pusingan
- Tawaf Dengan Khusyuk Dan Tawadhuk
- Solat Sunat Tawaf

*Catatan*

# PERHATIAN

**Disyaratkan Melafazkan Niat Tawaf Bagi Tawaf Berikut:-**

**1- Tawaf Sunat**

**2- Tawaf Nazar**

**3- Tawaf Wada'**

**4- Tawaf Tahiyat Al Bait**

**5- Tawaf Qudum** (semata-mata ziarah Makkah bukan tujuan umrah atau haji)

**Lafaz Niat Tawaf : Ya Allah Aku Hendak Tawaf Baitullah Al Haram Tujuh Keliling Tawaf.......... (Yang Berkaitan) Maka Permudah Dan Terimalah Daripadaku Kerana Allah**

**Tidak Disyaratkan Berniat Tawaf Bagi Tawaf Umrah, Tawaf Haji Dan Tawaf Qudum (Bagi Yang Melakukan Haji Ifrad Atau Qiran)**

# WUDUK SEMASA DI TANAH SUCI

**Hukum Asal : Bersentuhan Lelaki Dengan Perempuan Yang Halal Nikah Tanpa Lapik Batal Wuduk**

**Namun Ada *Rukhsah* Bermaksud : Keringanan Yang Allah Berikan Kepada Umat Islam Dalam Melaksanakan Perintah Allah Di Saat-saat Darurah, Masyaqqah Atau Haajah**

***Azimah* Bermaksud : Suatu Kemestian Melaksanakan Perintah Allah Dalam Apa Jua Keadaan Sekalipun. Contoh : Wajib Berwuduk Semasa Tawaf Dan Solat**

**Oleh Itu Boleh Beralih Dari Pendapat Syafi'e Masyhur Kepada Pendapat Syafi'e Yang *Marjuh* Iaitu Tidak Batal Wuduk Jika Berlaku Persentuhan Lelaki Dan Perempuan Tanpa Syahwat Dalam Masyaqqah Dan Haraj Seperti Kesesakkan Di Tempat Tawaf dan lainnya**

*CATATAN: KEPUTUSAN MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE- 21 DAN 22*

*Catatan*

## Pendapat Ini Diguna Pakai Ketika:

**1- Bermula Dari Keluar Bangunan Penginapan Seterusnya Hingga Ketika Di Dalam Masjidil Haram atau Masjid Nabawi**

**2- Ketika Berada Dalam Keadaan *Masyaqqah* Seperti Menaiki Pesawat Atau Bas Sepanjang Tempoh Mengerjakan Haji/Umrah Sahaja**

**----------**

**Sah Diguna Pakai Untuk Tawaf Dan Sebagainya Selagi Wuduk Tidak Terbatal Mengikut Mazhab Syafi'e. Contohnya, Seperti Keluar Angin Daripada Qubul Atau Dubur**

**Perhatian : Jemaah Haji Hendaklah Berhati-hati Dengan Najis Yang Terdapat :**

1. **Selipar Yang Dibawa Bersama Semasa Tawaf**
2. **Anak Kecil Berlampin**
3. **Pakaian Yang Bernajis**
4. **Tahi Burung Yang Jatuh Semasa Tawaf**

*Catatan*

## Aurat Lelaki Semasa Tawaf

1. Aurat Bagi Lelaki Adalah Antara Pusat Hingga Lutut.
2. Jemaah Haji Lelaki Hendaklah Juga Menutup Anggota Bahagian Atas Tubuhnya Sebagai Menjaga Adab.
3. *Idtiba' (pemakaian kain ihram menampakkan bahu kanan)* Hendaklah Ketika Dalam Tawaf Yang Diiringi Dengan Sa'ie Sahaja. Ber*idtiba'* Apabila Hendak Memulakan Tawaf Sahaja. Jangan ber*idtiba'* terlalu awal seperti di stesyen berlepas, lapangan terbang atau bangunan penginapan di Makkah atau Madinah.

## AURAT WANITA SEMASA TAWAF

1. Had aurat

2. Berhati-hati dengan perkara ini:-
   - ✓ Bawah dagu
   - ✓ Pergelangan tangan
   - ✓ Anak rambut di muka
   - ✓ Stoking (tebal)
   - ✓ Anak rambut di kawasan telinga/ berhati-hati jika memakai kacamata

3. Aurat (tidak semasa tawaf)
   1. Seperti hukum biasa

*Catatan*

## WUDUK SEMASA DI TANAH SUCI

**Hukum Asal : Bersentuhan Lelaki Dengan Perempuan Yang Halal Nikah Tanpa Lapik Batal Wuduk**

**Namun Ada *Rukhsah* Bermaksud : Keringanan Yang Allah Berikan Kepada Umat Islam Dalam Melaksanakan Perintah Allah Di Saat-saat Darurah, Masyaqqah Atau Haajah**

***Azimah* Bermaksud : Suatu Kemestian Melaksanakan Perintah Allah Dalam Apa Jua Keadaan Sekalipun. Contoh : Wajib Berwuduk Semasa Tawaf Dan Solat**

**Oleh Itu Boleh Beralih Dari Pendapat Syafi'e Masyhur Kepada Pendapat Syafi'e Yang *Marjuh* Iaitu Tidak Batal Wuduk Jika Berlaku Persentuhan Lelaki Dan Perempuan Tanpa Syahwat Dalam Masyaqqah Dan Haraj Seperti Kesesakkan Di Tempat Tawaf dan lainnya**

*CATATAN: KEPUTUSAN MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE- 21 DAN 22*




DISEBABKAN PERLUASAN MASJDIL HARAM DAN MATAF YANG MASIH BELUM SEMPURNA DILAKUKAN, KEADAAN SEKARANG ADALAH BERBEZA DENGAN GAMBAR DI ATAS, TETAPI KEDUDUKAN LAMPU HIJAU ADALAH MASIH BERSETENTANGAN DENGAN HAJARUL ASWAD SEBAGAI TEMPAT PENGECAMAN UNTUK PERMULAAN TAWAF SEPERTI DI ATAS

*Catatan*






*Catatan*

AL HAJARUL ASWAD




GARISAN SAF SOLAT

*Catatan*


TEMPAT PERMULAAN DAN BERAKHIR TAWAF DI TINGKAT ATAS
BEGINING AND COMPLETION OF TAWAAF
LALUAN KHAS TAWAF DI TINGKAT ATAS – DIGALAKKAN WARIS YANG MENYORONG ATAU WARIS IKUT SAMA JIKA DISORONG OLEH ORANG LAIN
DISEBABKAN PERLUASAN MASJDIL HARAM DAN MATAF YANG MASIH BELUM SEMPURNA DILAKUKAN, KEADAAN SEKARANG ADALAH BERBEZA DENGAN GAMBAR DI ATAS, TETAPI KEDUDUKAN LAMPU HIJAU ADALAH MASIH BERSETENTANGAN DENGAN HAJARUL ASWAD SEBAGAI TEMPAT PENGECAMAN UNTUK PERMULAAN TAWAF SEPERTI DI ATAS

# ANTARA KESALAHAN DALAM TAWAF

## A. BATAL TAWAF

1. Terbuka Aurat Dengan Sengaja
2. Menyentuh Kaabah/Kelambunya Termasuk Syazarwan
3. Terpesong Niat Seperti Sibuk Mencari Kawan (Sehingga Terlupa Yang Dia Sedang Tawaf)
4. Menyentuh Atau Memasuki Hijr Ismail
5. Tidak Yakin Tujuh (7) Pusingan Tanpa Menambah Satu Pusingan Untuk Menyakinkan (Sila Tambah Satu Pusingan Jika Ragu-ragu Sama Ada Telah Cukup Tujuh Atau Tidak)
6. Belum Cukup Tujuh (7) Pusingan – Kemudian Terus Sa'ie Dan Bergunting – Kerana Dibimbangi Di Tinggalkan Kawan/ Isteri/Suami

*Catatan*

# ANTARA PERKARA MAKRUH KETIKA TAWAF

## B. MAKRUH TAWAF TETAPI TIDAK BATAL

1. Makan/Minum Semasa Tawaf
2. Bercakap-cakap (Percakapan Yang Kurang Sopan) Semasa Tawaf
3. Baca Doa Dengan Nyaring
4. Bercakap Menggunakan Telefon Bimbit
5. Melakukan Ramal (Berlari anak) Dalam Semua Pusingan
6. Menahan Kentut, Buang Air Kecil Dan Air Besar

# PERHATIAN

**KAEDAH SAMBUNG JIKA BATAL TAWAF**

1. **Boleh Disambung (Pusingan Yang Terbatal Sahaja) Ditempat Pusingan Tawaf Yang Terbatal**
2. **Yang Afdhal Dibuat Semula Pusingan Yang Terbatal Sahaja Dan Bermula Di Rukun Hajarul Aswad**

**TAWAF/SA'IE DENGAN CARA MENYORONG KERUSI RODA**

1. **Jemaah Yang Disorong Dan Yang Menyorong Dikira Mendapat Pusingan Tawaf/Sa'ie Secara Bersama (2 dalam 1)**
2. **Hukum Ini Berbeza Dengan Tawaf Dan Sa'ie Secara Mendukung/Mengendong Hanya Dikira Seorang Sahaja Yang Terhasil**

*Catatan*

*Catatan*